

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

SOALAN NO. 145

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status permohonan Pulau Pinang untuk Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dinaik taraf kepada Majlis Bandaraya. Juga sama ada cadangan Pulau Pinang untuk dikecualikan bil elektrik ekoran pemasangan lampu LED membabitkan tiang-tiang lampu jalan raya akan diluluskan. Jika tidak, kenapa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menyediakan Kertas Jemaah Menteri berhubung permohonan untuk menaik taraf Majlis Perbandaran Seberang Perai kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai. Kertas Jemaah Menteri ini dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat pada bulan April ini untuk kelulusan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan menggalakkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggunakan lampu LED untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi membantu bayaran bil elektrik oleh PBT. Perkara ini selaras dengan keputusan Majlis Kewangan Negara pada 21 September 2007 iaitu bantuan sebanyak 50% bayaran bil elektrik oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap PBT untuk lampu jalan dan lampu isyarat. Sekian, terima kasih.